

10 MAY 1999

AKADEMIK-ECONOMIST

MAHANI SELAR "THE ECONOMIST" KERANA TIDAK KONSISTEN

KUALA LUMPUR, 10 Mei (Bernama) -- Seorang ahli akademik Malaysia hari ini mengecam majalah "The Economist" kerana bersikap tidak konsisten dan beberapa artikel negatifnya mengenai pengurusan ekonomi Malaysia baru-baru ini mempamerkan keengganan untuk mengiktiraf usaha yang dilaksanakan dengan baik, walaupun terdapat ketidak sempurnaan.

Profesor madya Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran Universiti Malaya, Dr Mahani Zainal Abidin, berkata artikel bertarikh 1 Mei 1999 bertajuk "Malaysia: The road less travelled," penuh dengan percanggahan dan hujah yang tidak konsisten.

Artikel tersebut membayangkan bahawa kawalan modal Malaysia dan inisiatif rangsangan fiskal Malaysia tidak relevan kerana ekonomi Malaysia sememangnya akan pulih disebabkan oleh asas-asasnya yang kukuh seperti kadar penyimpanan yang tinggi, bank-bank yang dikawal selia dengan agak baik serta eksport yang teguh.

"Saya dapati kesimpulan ini menakjubkan kerana terdahulu ia telah menegaskan bahawa ekonomi Malaysia tidak akan keluar daripada kemelesetan sebaliknya berada di ambang zaman meleset, kerana antara lain, bank-bank kita yang dilanda hutang tidak berbayar, berupaya hidup dengan sokongan kerajaan (Dr Mahathir's Noxious Remedies, Sept 26, 1998)," kata Dr Mahani.

Katanya "The Economist" silap apabila ia mendakwa bahawa kawalan modal telah memberi sumbangan yang amat sedikit kepada proses pemulihan.

Ini adalah kerana kawalan ini telah memainkan peranan yang amat penting: langkah ekstrem untuk menangani keadaan yang ekstrem.

Beliau menambah kata bahawa Stanley Fisher, pengarah urusan pertama IMF telah memuji inisiatif-inisiatif ini dan Malaysia berada pada kedudukan yang unik dan dengan menggunakan kawalan modal dengan baik.

Artikel tersebut menyatakan bahawa kawalan modal Malaysia tidak patut diberi pujian bagi prestasi ekonominya kerana digunakan sedikit sahaja dan dikenakan terlalu lambat sehinggakan tidak memberi banyak kesan.

Mengenai kenyataan ini, Dr Mahani berkata: "Saya rasa ia silap tentang tujuan kawalan modal yang didakwanya tidak relevan kerana fokus yang diberikan terlalu sempit. Padahal langkah-langkah ini berjaya kerana sebab yang disebutkannya itulah."

"Langkah-langkah ini menghalang aliran modal jangka pendek daripada merosakkan kestabilan ekonomi kita yang agak kecil, di samping tidak mengganggu pergerakan modal lain yang lebih bernilai," tambahnya.

Tentang penegasan artikel tersebut bahawa bayang-bayang dasar IMF (Tabung Kewangan Antarabangsa) yang diikuti oleh Malaysia semasa peringkat pertama krisis menghentikan lebihan pengembangan kredit, beliau berkata, apa yang sebenarnya dilakukan oleh langkah-langkah ini ialah menguncupkan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK).

Katanya preskripsi seragam IMF yang diberikan kepada ekonomi-ekonomi yang terjejas teruk di rantau ini, dianggap terlalu keras dan merosakkan. Malah, IMF sendiri mengakuinya.

Ekonomi-ekonomi yang terjejas kini mengamalkan rangsangan fiskal dan mengenakan kadar faedah yang rendah, iaitu dasar yang telah lama dahulu digunakan oleh Malaysia, tambah beliau.

-- BERNAMA

SHO KY MA